

Pendedahan kerjaya kepada bakal graduan

Oleh Noor Syahidatool Aqma Mohd Noor
bhvarsiti@bharian.com.my

PELAJAR Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyifatkan Program Bimbingan Kerjaya TaHa yang disertai mereka di Shah Alam, minggu lalu amat bermanfaat terutama dalam menyiapkan diri bagi memohon pekerjaan.

Mereka berpendapat program anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama *Berita Harian* (BH) itu wajar diteruskan dengan membabitkan lebih ramai pelajar di seluruh negara.

Pelajar Diploma Pemasaran, Mohammad Azhari Ramlee, 20, berkata program bimbingan kerjaya seperti itu memberi peluang kepadanya untuk membuat persediaan awal mengenai kerjaya di samping cara menyediakan resume dan menghadapi sesi temu duga.

"Dengan adanya gerai seperti Jobs Malaysia dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), kami dapat mengetahui peluang kerja yang sesuai, sekali gus mendedahkan kami dengan situasi sebenar alam pekerjaan," katanya.

Program sehari itu disertai 400 pelajar tahun akhir daripada pelbagai fakulti di politeknik berkenaan.

Pelbagai acara menarik diadakan sempena program itu, antaranya pameran, serahan resume, berjumpa prospek majikan, ceramah kerjaya, ceramah motivasi dan sesi temu duga.

Turut diadakan, forum santai bertajuk 'Minum Teh

Bersama Kami: Ke Mana Arah Pelajar Politeknik Selepas Graduasi' bersama Pengarang Pendidikan, Muhd Yusuf Abu Bakar; Ketua Unit (Khidmat Pelanggan), Bahagian Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Rozi Ariffin, wakil alumni dan pelajar.

Bagi pelajar Diploma Elektronik, Rasinah Abdul Kadir, 20, pula program sehari itu bermanfaat kerana memberi pendedahan mengenai kehendak majikan kepada bakal graduan.

"Ini sesuatu yang baru bagi saya. Cara pendedahan juga berbeza berbanding sebelum ini kerana melalui program ini, saya lebih memahami kehendak sebenar pasaran kerja sekarang di samping mempelajari teknik menyediakan resume dengan betul bagi menarik perhatian bakal majikan," katanya.

Pengurus Jualan Unit Pembangunan Perniagaan Jabatan Pengedaran NSTP, Liza Ahmad, berkata program itu ialah satu usaha sama bagi projek TaHa@U di samping menggalakkan pelajar untuk menabung.

"Program ini ialah tanggungjawab sosial korporat (ESR) kita kepada pelajar bagi memberi kesedaran kepada mereka mengenai kerjaya dan memastikan mereka tahu arah tuju yang diinginkan selepas tamat belajar.

"Berbeza dengan program yang pernah diadakan, ini ialah program bimbingan kerjaya kita yang pertama dan kita akan menjelajah ke institut pengajian tinggi (IPT) yang lain bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kerjaya yang bakal mereka pilih," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Khidmat Pelanggan TH, Rozi Ariffin, berkata program itu dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar berkenaan kerjaya yang bakal digalas mereka.

"Di gerai TH, kami turut menyediakan kemudahan untuk pelajar menjadi ahli baru Kelab TaHa dan memberi penerangan berkaitan kemudahan yang bakal mereka peroleh jika mendaftar sebagai ahli kerana ada antara mereka sudah ada akaun, tetapi tidak menjadi ahli," katanya.



NASRUN MASOD (berdiri) memberikan penerangan kepada pelajar berkenaan portal Jobs Malaysia pada Program Bimbingan Kerjaya TaHa.

MCCM enters the fray

It hopes to wrest control of QSR and KFC

By DANIEL KHOO

danielkhoo@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Kulim (M) Bhd says it has received an offer for its 54% stake in QSR Brands Bhd at a price of RM6.90 per share from the Malay Chamber of Commerce Malaysia (MCCM), adding an interesting twist to the takeover story.

Johor Corp (JCorp), which controls Kulim, QSR and the latter's subsidiary, KFC Holdings Malaysia, had on Dec 14 made an offer to QSR and KFC to acquire substantially 100% of their businesses and undertakings.

JCorp is acting in partnership with private equity firm CVC Capital Partners and its offer to take over Kulim's assets worked out to a price of RM6.80 per Kulim share, 10 sen below what

MCCM is offering now.

Kulim said the offer letter from MCCM was dated Dec 30, 2011 but had only been received yesterday by the three companies and was written by the deputy president and chairman of Kumpulan Syarikat Pelaburan DPMM, the investment arm of MCCM.

Kulim also said the offer was unsolicited and that despite the independent directors of QSR already agreeing to accept the offer earlier made by Massive Equity Sdn Bhd (the special-purpose vehicle used by JCorp and CVC) this offer by the MCCM would still be considered.

"In view of the above, Kulim would be convening a board meeting to deliberate on the offer and that further announcement would be

made in due course," the announcement to Bursa Malaysia said.

When contacted by *StarBiz* yesterday, MCCM president Syed Ali Alattas said: "This is the same letter we sent out after I made my announcement on Dec 29, 2011. Looks like they had only received it today."

Syed Ali said he would give more details, such as the financiers to this deal, to the press in the coming days and was expected to make this announcement before the Chinese New Year.

"I had already met two banks actually. We must keep these restaurants under Malaysians, this is important," he earlier said.

MCCM had also said it would be approaching institutions such as Lembaga Tabung Haji, Felda

Holdings Bhd, Amanah Saham Mara and Permodalan Nasional Bhd to finance the deal.

JCorp owns 55.9% of Kulim, which owns 53.9% of QSR, which in turn has a 50.93% stake in KFC.

JCorp and CVC are seeking to reshape the operations of QSR and KFC to be run more efficiently, in order for JCorp to extract more value out of these assets.

JCorp officials have on a number of occasions said they were unwilling to part with such prized assets as QSR and KFC.

"It will be interesting to see how JCorp and QSR deal with this offer by MCCM, although it is very unlikely QSR would accept an offer by MCCM, considering it is in the long-term interest of JCorp to keep KFC (and QSR)," said a fund manager.

Lebih 6,000 pencarum daftar haji tempoh lima hari

KUALA LUMPUR - Seramai 6,270 pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat pendaftaran haji dengan Lembaga Tabung Haji (TH) sejak pendaftaran dibuka pada 3 Januari lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kemudahan yang diumumkan pada Belanjawan 2012,

mendapat sambutan apabila secara purata TH menerima hampir 1,000 permohonan sehari.

"Bagi mereka yang telah cukup duit, mereka perlu mencukupkan simpanan RM9,980 mengikut kadar sekarang," katanya.

Pengurus Besar Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar berkata, di bawah Kemudahan

Pendaftaran Haji Pencarum KWSP, pencarum boleh membuat pendaftaran menggunakan simpanan Akaun 1 di semua cawangan TH untuk mendapatkan giliran menunaikan haji.

Katanya, pendaftaran haji itu juga, boleh dibuat di semua cawangan Bank Rakyat dan Bank Islam seluruh negara. -Bernama